



Ruj.Kami : Prk.ML.02/25-22 (14)
Tarikh : 29 Ogos 2013

SEGERA / DENGAN FAKS

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

**NOTIS TINDAKAN PENGUATKUASAAAN KE ATAS ARAHAN
PENGUATKUASAAAN DASAR BARU PELESENAN JABATAN PERIKANAN
MALAYSIA**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima salinan surat maklum balas daripada Ketua Cawangan Perundangan **bil. Prk.ML. 11/01/02-3 Jld. 3/Negeri bertarih 19 Ogos 2013** berhubung permohonan maklumat bagi Notis Tindakan Penguatkuasaan ke atas Arahan Penguatkuasaan Dasar Baru Pelesenan Jabatan Perikanan Malaysia yang telah dihantar oleh Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang. Bersama-sama dengan ini dipanjangkan surat berkenaan seperti di **LAMPIRAN** kepada semua Pejabat Perikanan Negeri untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

3. Kerjasama dan tindakan selanjutnya oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(HJ. JOHARI BIN RAMLI)

Pengarah

Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

b.p Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Ibu Pejabat Perikanan

PUTRAJAYA

Az/SuratEdaran

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI



SENARAI EDARAN

Pengarah Jabatan Perikanan Laut Sarawak

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Perlis


Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri W. P. Labuan


PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI





Ruj. Kami : Prk.ML.4 | 01/02-3nd.3/NEGM
Tarikh : 19 Ogos 2013

Pengarah Perikanan Negeri
Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang,
Jalan Akuarium, 11700 Gelugor,
Pulau Pinang.
(Segera Dengan Faks : 04-657 2323)



Tuan,

**MEMOHON MAKLUMAT BAGI NOTIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN
YANG AKAN DIKELUARKAN**

Dengan segala hormatnya, saya ingin merujuk perkara di atas **PENGARAH PELESENAN DAN PENGURUSAN SUMBER**
bertarikh 29 Julai 2013. **IBU PEJABAT PERIKANAN
PUTRAJAYA**

2. Berikut disertakan maklum balas yang pihak tuan perlukan :

Bil.	Dasar	Hukuman Jika Wujud Pelanggaran Syarat	Seksyen Rujukan Di Bawah AP 1985
1.	Penguatkuasaan pelaksanaan dasar baru pelesenan Jabatan berkaitan syarat baru bagi pukot tunda (pukat buaya / boya) - Mewajibkan saiz mata pukot tunda di bahagian sayap pukot tunda tidak melebihi 5 meter (195 inci) - Dilaksanakan ke atas semua vesel pukot tunda zon B di Semenanjung Malaysia	KOMPAUN	Seksyen 8(b) - kesalahan melanggar syarat-syarat lesen
2.	Penguatkuasaan saiz mata keroncong pukot tunda kurang 38 mm	KOMPAUN	Seksyen 8(b) - kesalahan melanggar syarat-syarat lesen
3.	Penguatkuasaan ke atas kru asing di atas vesel zon B	KOMPAUN	Seksyen 8(b) - kesalahan melanggar syarat-syarat lesen

4.	Penguatkuasaan ke atas individu-individu yang mengope-rasi / mengusahakan vesel / sampan tanpa lesen yang sah	Vesel Komersial MAHKAMAH	Vesel Tradisional AMARAN	Seksyen 8(a) - kesalahan mengusahakan vesel penangkapan ikan tempatan tanpa lesen
	Penguatkuasaan ke atas indi-vidu-individu yang mengope-rasi / mengusahakan peralatan menangkap ikan tanpa lesen yang sah	Peralatan Komersial MAHKAMAH	Peralatan Tradisional KOMPAUN + Peralatan Menangkap Ikan Dirampas	Seksyen 11(3)(a) - kesalahan mengendalikan peralatan menangkap ikan tanpa lesen
5.	Penguatkuasaan ke atas pe-milik vesel / sampan yang tidak mengusahakan sendiri (dilaksanakan ke atas semua vesel sampan di zon A dan zon B)	KOMPAUN		Seksyen 8(b) - kesalahan melanggar syarat-syarat lesen

3. Untuk makluman tuan, keputusan kompaun adalah tertakluk mengikut Buku Kadar Kompaun yang telah ditetapkan dan arahan terbaru daripada Ketua Pengarah Perikanan. Kompaun paling minimum dikenakan bagi setiap kesalahan ialah RM 500. Kompaun kesalahan boleh dikenakan sebanyak tiga kali sahaja, dan kesalahan seterusnya (keempat) boleh didakwa di mahkamah.


Sekian. Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(HAZEELIA BINTI MUHAMMAD)
Ketua Cawangan Perundangan
Jabatan Perikanan Malaysia
Putrajaya



Pengarah Bhg. Pelesenan & Pengurusan Sumber
Pengarah Bhg. Perlindungan Sumber

